

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN :

YB Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah jangka panjang dilaksanakan bagi pemantauan keselamatan di kawasan Laut Sulu dan perairan pantai timur Sabah bersama-sama pasukan keselamatan negara-negara jiran Filipina, Brunei, Indonesia dan Singapura.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia, Indonesia dan Filipina bersetuju untuk mengadakan kerjasama bagi memastikan perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi terkawal dari ancaman jenayah rentas sempadan seperti penculikan. Pelan tindakan terperinci masih dalam perbincangan. Antara inisiatif dan mekanisme yang telah dipersetujui dalam perbincangan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Rondaan bersama secara terkoordinasi;
- ii. Memberi perlindungan keselamatan pelayaran terhadap vesel-vesel yang melalui perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi yang berisiko serta mengambil tindakan sekiranya vesel-vesel ini diancam;
- iii. Mewujudkan *national focal point* antara ketiga-tiga negara bagi memudahkan perkongsian maklumat dan risikan sekiranya berlaku sesuatu insiden atau kecemasan terhadap vesel-vesel di perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi; dan
- iv. Mewujudkan sebuah talian *hotline* antara ketiga-tiga negara untuk penyelarasan tindakan sekiranya sesuatu insiden atau kecemasan berlaku.

ESSCOM juga akan melaksanakan inisiatif jangka panjang dalam memantapkan lagi pemantauan perairan di ESSZONE seperti berikut:

- i. Pewujudan *High Level Committee* antara Malaysia dan Filipina dalam mengadakan kerjasama dua hala dalam menangani isu-isu keselamatan di sempadan antara kedua-dua negara;
- ii. Membangunkan Pusat Informasi Bersepadu (termasuk pertukaran pegawai antara negara) bagi meningkatkan *maritime domain awareness* bagi perkongsian maklumat antara negara;
- iii. Latihan berkala antara negara; dan
- iv. Memperkukuhkan kerjasama perisikan antara negara.

Sekian. Terima kasih.